

BAB 6

RUMUSAN, PENILAIAN, PROSPEK DAN IMPLIKASI K- EKONOMI

6.1 RUMUSAN KAJIAN

FKS di Lembah Kelang boleh dikatakan bernasib baik kerana terdapat pelbagai program latihan dan bantuan kewangan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta bagi pembangunan mereka. Walau bagaimanapun sejauhmanakah kesedaran, persepsi dan usaha mereka dalam penyediaan program latihan harus dititikberatkan. Justeru itu, kajian ini telah membuat satu penyelidikan dalam meneliti persepsi usahawan Cina dalam firma-firma kecil dan sederhana terhadap latihan kemahiran pekerja. Ini termasuklah persepsi usahawan Cina terhadap keberkesanan dan keperluan dalam menyediakan latihan serta bentuk dan jenis bantuan yang disediakan oleh usahawan Cina sendiri kepada pekerja mereka. Di samping itu, penelitian fahaman perusahaan di kalangan usahawan Cina turut dikaji supaya membezakan perubahan fahaman usahawan Cina sejak dulu hingga sekarang. Penelitian maklumat perniagaan serta cadangan strategi meningkatkan perusahaan di kalangan firma skala kecil dan sederhana turut diberikan tumpuan. Berlandaskan kepada objektif tersebut, kajian ini telah berjaya mendapat maklumat daripada 310 buah firma yang dikategorikan dalam skala kecil dan sederhana yang terletak di sekitar Lembah Kelang, Malaysia.

Kajian ini mendapat profil sejumlah 310 orang usahawan Cina dalam firma skala kecil dan sederhana. Dalam kajian penulis, responden lelaki mendominasi majoriti responden iaitu 303 orang (97.74% daripada jumlah responden) [Rajah 3.2.1(a)] dan 95.2 peratus daripada jumlah responden sudah berkahwin (Rajah 3.2.2). 91.4 peratus daripada jumlah responden adalah berumur di antara 31-50 tahun (Rajah 3.2.1). Sementara itu, 24.2 peratus daripada jumlah responden mencapai tahap pendidikan ke peringkat maktab atau universiti, 48.4 peratus daripada jumlah responden ke tahap peringkat SPM dan 8.7 peratus daripada jumlah responden adalah di tahap SRP dan bawah (Rajah 3.2.3). Sebanyak 65.5 peratus daripada jumlah responden mempunyai pengalaman berniaga di antara 11 hingga 25 tahun (Rajah 3.2.4).

Dari segi latar belakang firma kecil dan sederhana, didapati sebahagian besar FKS yang dikaji mempunyai lebih 86.77 peratus daripada jumlah responden menggunakan kurang dari 50 orang pekerja sepenuh masa (Rajah 3.3.5). Hanya 25.48 peratus daripada jumlah responden dari FKS yang dikaji mempunyai modal berbayar RM120,000.00 dan ke atas (Rajah 3.3.2). Terdapat 33.87 peratus daripada jumlah responden menempatkan firma mereka di kawasan Zon industri dan 48.71 peratus daripada jumlah responden lagi di kawasan perniagaan dan 13.87 peratus daripada jumlah responden di bangunan kedai (Rajah 3.3.3).

Memandangkan sebab-sebab usahawan Cina menceburkan diri dalam perusahaan tertentu. Sebanyak 49.03 peratus daripada jumlah responden memilih jenis perusahaan adalah disebabkan oleh unsur minat (Rajah 3.2.5).

Sebanyak 21.61 peratus daripada jumlah responden memilih jenis perusahaan berdasarkan pengalaman dan keyakinan, sementara 26.78 peratus daripada jumlah responden didorong oleh faktor warisan (Rajah 3.2.5).

Mengenai hajat FKS ke taraf perusahaan pula, terdapat 88.71 peratus daripada jumlah responden berhasrat ke tahap syarikat disenaraikan di bursa saham dan 7.74 peratus daripada jumlah responden ke tahap peringkat antarabangsa [Rajah 3.6.1(a)].

Dari segi sumber modal pula, majoriti daripada usahawan Cina (89.68% daripada jumlah responden) mendapat sumber kewangan dari ahli keluarga dan simpanan sendiri, hanya 10.32 peratus daripada jumlah responden memohon pinjaman dari bank (Rajah 3.4.1).

Mengenai persepsi usahawan Cina FKS terhadap latihan, didapati 67.10 peratus daripada jumlah responden menyedari bahawa latihan kemahiran ini adalah perlu diadakan di kalangan pekerja (Rajah 4.2.2). Terdapat 12.26 peratus daripada jumlah responden berpendapat bahawa usahawan Cina kurang perlu menyertai latihan program (Rajah 4.2.2). Majoriti daripada mereka (45.48% daripada jumlah responden) menganggap program latihan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta sebagai berguna dan boleh memenuhi keperluan firma mereka (Rajah 4.2.4). Majoriti daripada mereka (80.65% daripada jumlah responden) ada menyediakan program latihan kepada pekerja mereka dalam syarikat sendiri (Rajah 4.2.6). Sementara itu hanya 18.71 peratus daripada jumlah responden membuat

peruntukan khas untuk pekerja menyertai kursus, sementara 81.29 peratus daripada jumlah responden tidak menyediakan peruntukan untuk pekerja menyertai kursus atau program latihan yang dianjurkan oleh badan lain (Rajah 4.2.7).

Mengenai hubungan perusahaan pula, terdapat 96.45 peratus daripada jumlah responden berkenalan lain usahawan dari sektor yang sama, mereka biasa dikenali melalui persatuan sekerja dan kelab rekreasi (Rajah 3.5.1). Cara yang paling kerap digunakan untuk berinteraksi dengan lain-lain usahawan Cina ialah melalui telefon iaitu dengan 55.16 peratus daripada jumlah responden, menelefon dan mengunjungi ialah 31.61 peratus daripada jumlah responden (Rajah 3.5.2). Terdapat 63.87 peratus daripada jumlah responden saling mengunjungi sebulan sekali (Rajah 3.5.3). Sementara itu usahawan Cina yang berpendapat bahawa mengekalkan hubungan tersebut adalah penting dalam perniagaan adalah 98.39 peratus daripada jumlah responden (Rajah 3.5.4), ini adalah kerana mereka berpendapat bahawa dengan adanya telefon-menelefon dan saling kunjung-mengunjungi maka mereka akan mendapat banyak maklumat yang terbaru dan informasi sekerja yang terkini. Sementara itu hanya 2.9 peratus daripada jumlah responden yang berpendapat hubungan ini tidak penting (Rajah 4.1.1).

Majoriti daripada usahawan Cina iaitu 97.10 peratus daripada jumlah responden berpendapat bahawa hubungan (rapport) dan persahabatan (friendship) itu penting dalam menjalankan perniagaan (Rajah 4.1.1). Ini adalah kerana dengan adanya hubungan yang baik dan rapat akan

menyebabkannya mudah memperoleh perniagaan itu tanpa persaingan dengan firma lain. Di samping itu perniagaan sedemikian akan mudah dikekalkan dengan adanya hubungan yang rapat. 48.71 peratus daripada jumlah responden mengatakan mereka ada mengamalkan *xinyong* (trustworthiness) dalam strategi perniagaan (Rajah 4.1.2). Sementara itu 60.97 peratus daripada jumlah responden menyatakan *xinyong* itu masih penting dalam menjalankan perniagaan pada masa kini (Rajah 4.1.3). Sebanyak 68.39 peratus daripada jumlah responden yang dikaji tidak rela menjalankan perniagaan dengan usahawan lain yang tidak menepati *xinyong* (Rajah 4.1.4), ini adalah kerana dengan terdapatnya undang-undang pemasaran dan surat perjanjian yang ditandatangani maka telah mengurangkan risikonya ke tahap minimum. Sebanyak 57.74 peratus daripada jumlah responden masih mengamalkan konsep perniagaan kekeluargaan (Rajah 4.1.5).

6.2 PENILAIAN

Pelbagai jenis bantuan khususnya dari segi kewangan telah disediakan oleh agensi-agensi kerajaan dan bank swasta kepada FKS. Namun begitu sebahagian besar FKS tidak menerima bentuk-bentuk bantuan yang disediakan dan sebilangan lagi tidak memperolehinya secukupnya bantuan yang diberikan. Sementara itu terdapat juga dari kalangan FKS yang tidak tahu-menahu tentang kemudahan bantuan kewangan yang disediakan. Penelitian juga menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan dalam memproseskan permohonan pinjaman kewangan kurang tepat dan tidak berkesan. Keadaan ini membayangkan kelemahan yang terdapat dalam bantuan kewangan yang disediakan sehingga kini. Walaupun sebahagian FKS berjaya mendapat

kemudahan pinjaman dan bantuan kredit daripada agensi kerajaan, institusi kewangan dan pihak bank, ini adalah kerana FKS tersebut mempunyai prestasi yang baik. Bagi FKS yang bersaiz kecil pula mempunyai pengalaman masalah dalam mendapatkan pinjaman dan kemudahan kredit daripada pihak bank dan institusi kewangan semata-mata kerana tidak mempunyai cagaran dan tanpa sebarang penjamin. Tahap kegagalan dan penutupan operasi FKS yang tinggi serta dengan masalah hutang telah berlaku sejak kemelesetan ekonomi yang berlaku pada akhir tahun 1997. Di mana banyak FKS tidak dapat mengutip balik hutang pelanggan, ekoran daripada itu FKS menghadapi masalah kesuntukan wang untuk menjelaskan hutang kepada pembekal. Sekiranya memperolehi bantuan kewangan yang serta-merta ini, penulis rasa FKS tersebut akan dapat wang untuk dipusing buat sementara hingga menyelesaikan masalahnya, akhirnya FKS tersebut tidak akan mengalami nasib penutupan operasi. Di samping itu usahawan Cina yang mempunyai masalah bahasa sama ada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris tentulah menyebabkan mereka tidak peka kepada maklumat bantuan kewangan institusi kerajaan dan pihak bank. Kekurangan pengiklanan yang sesuai kepada FKS juga merupakan suatu persoalan yang paling ketara. Institusi dan agensi kewangan tersebut seharusnya memberi penerangan yang jelas serta bantuan yang sesuai kepada usahawan Cina yang mempunyai masalah bahasa dengan mengiklankan jenis bantuan kewangan melalui surat khabar Cina, majalah Cina, persatuan sekerja Cina dan sebagainya. Badan-badan kerajaan dan swasta seharusnya menubuhkan pusat perkhidmatan untuk membantu FKS yang mengalami masalah tersebut serta menggalakkan FKS memegang kesempatan dan menghargai peluang baik ini untuk memajukan firma mereka.

Sementara itu, tidak hairanlah kekurangan program latihan yang disediakan oleh kerajaan ditujukan kepada FKS yang didirikan oleh usahawan Cina. Ini adalah kerana kebanyakan bantuan program latihan ini adalah ditujukan kepada Bumiputra sahaja, seperti MARA merupakan sebuah agensi kerajaan yang paling penting dan aktif dalam menyediakan program dan latihan keusahawanan yang khusus kepada usahawan Bumiputra sahaja. Badan-badan lain pula seperti Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), Pusat Pembangunan Perniagaan Kecil (PPPK)UPM, Pusat Pembangunan Keusahawanan Malaysia (MEDEC) ITM, Pusat Latihan Tenaga Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Institusi Latihan Perindustrian (ITI) serta institusi pengajian tinggi ini adalah lebih cenderung dalam memberi latihan kepada Bumiputera. Ini adalah kerana kerajaan telah menetapkan kuota yang tertentu untuk memberi naungan kepada bumiputera. Badan-badan kerajaan harus menggalak usahawan Cina bekerjasama dengan usahawan Malayu supaya dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan. Di samping itu, pasaran menjadi lebih besar akibat gabungan pasaran orang Cina dan Melayu. Hal ini dapat membentuk satu struktur pembentukan etnik negara yang sebenar.

Bagi mereka yang tidak berkelayakan iaitu Bahasa Malaysia tidak mempunyai kredit dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), walaupun bidang pelajaran lain mendapat kepujian, tetapi mereka masih tidak dapat memasuki Institusi pengajian tinggi tempatan. Bantuan lebih umum yang membawa kepada kurang kepekaan terhadap arus perubahan dan keperluan FKS yang beroperasi. Hal ini berpunca sebahagian besarnya

daripada pelbagai masalah kelewatan dan ketidakcekapan birokrasi, sistem penyediaan perkhidmatan yang berkualiti rendah (Soong 19.12.2000). Penelitian terhadap permintaan terhadap tenaga mahir dan separuh mahir di Lembah Kelang adalah sangat tinggi berbanding dengan keupayaan agensi, institusi dan institut pengajian tinggi yang menyediakan dan membekalkannya. Seperti Contoh yang paling ketara sekali ialah tenaga mahir dari bidang teknologi maklumat (Information Technology -- IT). Kekurangan tenaga mahir dalam bidang lain pula ialah pengendali dan pembaikpulih mesin, jurutera elektronik, perekacipta peralatan, juru kimia, dan sebagainya telah banyak menjejaskan pertumbuhan dan pembangunan sihat FKS. Tambahan pula dengan keadaan persaingan sengit terpaksa dihadapi oleh FKS dalam mengambil dan mengekalkan tenaga mahir mereka dengan syarikat dari luar negeri seperti negara Singapura, Hong Kong, Kanada dan lain-lain lagi. Di mana negara-negara tersebut telah menawarkan upah yang tinggi, faedah-faedah dan jaminan kerja yang bertaraf antarabangsa untuk menggaji tenaga mahir IT tempatan. Di samping itu, FKS juga terpaksa bersaing dengan firma besar tempatan.

Mengenai fahaman perusahaan, apa yang penting untuk dikaji merupakan perkembangan dan perubahan strategi-strategi dan fahaman yang berunsur Konfusianisme telah memberi kesan kepada usahawan Cina terutama selepas kemelesetan ekonomi selepas tahun 1997 dan pada alaf baru ini. Seperti sedia dimaklumkan bahawa pada akhir tahun 1997, ekonomi negara ASEAN telah mengalami satu tamparan hebat dan terjejas. Ramai usahawan Cina tidak kira dari firma besar atau kecil telah mengalami kerugian yang

tidak dapat dikira. Berhadapan dengan fenomena ini, penilaian terhadap fahaman Konfusianisme ini juga mula dipersoalkan di kalangan ahli ekonomi. Dalam kajian ini penulis telah menfokus kepada nilai-nilai kewujudan Konfusianisme dan membuktikan nilai-nilai ini masih bernyawa di antara sumber-sumber kebudayaan orang Cina dan bermanfaat kepada ekonomi di kalangan usahawan Cina. Keupayaan Konfusianisme dalam mempengaruhi dan memajukan sektor perusahaan serta membantu menyelesaikan masalah-masalah krisis ekonomi negara secara langsung atau tidak langsung ini adalah harus diketengahkan. Kesemua ini patut dikaji dan dititikberatkan. Justeru ini, tidak hairanlah jika didapati masih terdapat pengaruh Konfusianisme dan masih terdapat pengamalan fahaman ini di kalangan usahawan Cina dan telah membawa perubahan besar dalam sektor ekonomi. Jadi, penulis ingin memberi taksiran dan penilaian yang lebih lanjut dalam nilai-nilai Konfusianisme seperti berikut:

(i) FKS masih mengamalkan prinsip kesetiaan, kepercayaan dan berbudi perkerti telah membantu usahawan Cina mendirikan jaringan perniagaan sendiri yang kukuh. Ini telah membantu mereka dalam memajukan eksport dan mengurangkan import negara. Tambahan pula, dengan adanya jaringan perniagaan ini sudah tentulah pasaran luar negeri diperluaskan lagi dan maklumat-maklumat terbaru serta pemindahan teknologi juga mudah diperolehi. Pelancaran AFTA di ASEAN dan pembukaan pasaran bebas pada tahun 2005, sudah tentulah jaringan perniagaan ini adalah penting dikekalkan dan dikukuhkan supaya menghadapi masa depan yang penuh dengan persaingan.

(ii) Pendamaian dan keamanan di kalangan usahawan Cina amnya dan negara khasnya telah mewujudkan satu suasana yang aman untuk usahawan-usahawan Cina dapat menumpukan perhatian dalam perniagaannya. Ini adalah disebabkan oleh nilai-nilai Konfusianisme iaitu kesayangan dan kesaksamaan telah wujud dalam fikiran masyarakat Cina. Dengan suasana yang aman ini telah mendorong perkembangan ekonomi negara yang pesat dan memimpin kepada perkembangan baru di negara ASEAN.

(iii) Kerajinan telah menjadi satu ciri yang terpenting di kalangan usahawan Cina. Pada zaman penjajahan, bidang-bidang perniagaan seperti penjaja, peniaga runcit, pembuka jalan, pembuka lombong dan lain-lain pekerjaan yang memerlukan daya kekerasan dan kesanggupan tenaga kasar bahkan keuntungan yang rendah ini biasanya dilakukan oleh orang Cina. Pada tahun 70an pelancaran perusahaan kecil dan sederhana telah menarik ramai usahawan Cina yang rajin dan sanggup menanggung risiko telah menghargai peluang baik ini dan mulai berjaya dalam perkembangan eksport barangan tempatan.

(iv) Sikap jimat-cermat di kalangan usahawan Cina telah menggalak mereka mempunyai tabiat menabung. Lebih-lebih lagi telah menyebabkan masalah memboroskan sumber-sumber kemasyarakatan kurang berlaku di Lembah Kelang. Malah masalah kekurangan modal telah dapat diselesaikan pada masa kemeseletan ekonomi yang berlaku pada akhir tahun 1997 dan berterusan kepada tahun 1998 dan 1999. Bagi mereka yang tidak mengamalkan sikap jimat-cermat tersebut, maka satu-satunya jalan penyelesaian adalah mengalami nasib penutupan firma.

(v) Menitikberatkan pendidikan adalah salah satu budi perkerti yang terbaik di kalangan orang Cina. Menurut pendapat orang Cina yang telah lama dipengaruhi oleh fahaman Konfusianisme sangat menekankan pendidikan yang baik. Tradisi penekanan ini bukan sahaja telah mengekalkan kebudayaan orang Cina lebih-lebih lagi telah memberi manfaat kepada ekonomi negara terutamanya pada alaf baru ini yang mementingkan K-Ekonomi. Hal ini telah menyediakan sumber tenaga yang mahir dan berpotensi dalam bidang ekonomi.

Mengenai ciri-ciri struktur perniagaan famili orang Cina, ciri utama adalah mempergunakan ahli-ahli famili dengan sebaik-baiknya iaitu ahli-ahli keluarga dijadikan pekerja atau pembantu tanpa gaji serta bekerja lama di kedai. Pengamalan ini merupakan eksploitasi diri. Misalnya, dalam sebuah kilang kasut, isteri pemilik kilang kasut menjahit kulit kasut, anaknya memotong kulit kasut serta melekat label di bahagian hujung kasut. Ciri kedua adalah keuntungan yang diperolehi adalah secara marginal sekiranya berbanding dengan syarikat besar di mana mengaut keuntungan yang lebih banyak dan lumayan, ini adalah kerana usahawan Cina menjalankan jenis perniagaan FKS lagi berunsur perniagaan famili.

Dalam kualiti produk, FKS memerlukan keupayaan dalam pengurusan dan kepakaran teknikal yang berwibawa untuk mengeluarkan dan memasarkan produk yang berkualiti tinggi. Usahawan Cina yang kurang berpengalaman dan pengetahuan serta serba kekurangan amat sukar untuk mencapai tahap tersebut. Tidak berkeupayaan untuk menyertai penyelidikan, tidak mempunyai

keupayaan mengenai arus perubahan pasaran, kesukaran mendapat perkhidmatan yang diperlukan, tidak berkeupayaan memperolehi ahli pakar yang dialu-alukan dan lain-lain lagi. Hasil daripada penelitian ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar agensi dan institusi yang menyediakan program latihan tidak menepati kepada permintaan FKS.

Penelitian kepada peribadi usahawan Cina pula, terdapat empat prinsip yang penting harus diikuti oleh usahawan-usahawan Cina. Empat prinsip ini sebenarnya adalah nasihat yang tepat kepada mengekal dan memajukan firma kecil dan sederhana. Prinsip pertama adalah pengurusan kewangan yang berkesan dengan mengawal sistem kredit syarikat, jimatkan sumber-sumber syarikat, cuba dengan sedaya upaya kurang membelanja dalam aset tetap seperti bangunan, peralatan mesin, kereta mewah dan sebagainya. Prinsip kedua ialah pengurusan peribadi dengan berkesan iaitu pintar dalam mengurus tenaga buruh, melatih mereka bekerja dengan berpasukan, melatih mereka mempunyai sikap pekerjaan yang baik dan melatih mereka berdisiplin. Prinsip ketiga pula ialah mengawal kos syarikat dengan menjimatkan tenaga elektrik, air dan kos tenaga buruh. Mempertingkatkan produktiviti firma tetapi mengurangkan kos pengeluaran. Prinsip keempat pula, usahawan Cina harus mengekalkan kebaikan kebudayaan usahawan Cina yang biasa dikenali rajin, sabar, boleh dipercaya, jimat dan tabah. Dengan mempunyai prinsip-prinsip tersebut masa hadapan usahwan Cina akan lebih cerah.

Penelitian yang selanjutnya ialah pelbagai insentif harus diberikan oleh kerajaan kepada FKS. Dari segi mengurangkan cukai dan pengecualian cukai

lebih memihak kepada firma besar serta lebih menekankan pembangunan intensif berasaskan pelaburan yang besar. Misalnya dalam Akta Promosi Pelaburan 1986. Akta ini adalah cenderung memihak kepada firma besar iaitu mereka yang beroperasi dengan modal berbayar melebihi RM25 juta atau menggunakan tenaga buruh sepenuh masa sebanyak 500 orang dan ke atas adalah layak untuk dipertimbangkan pengecualian cukai tambahan selama lima tahun. Paling ketara dan ternyata sekali FKS tidak bersyarat untuk memperolehi faedah ini. Perkara ini merupakan faktor utama kepada sebahagian FKS tidak mendapat perhatian dan faedah yang sepenuhnya.

6.3 PROSPEK FKS DALAM K-EKONOMI

Firma kecil dan sederhana mempunyai potensi yang besar dalam pembangunan Lembah Kelang amnya dan Malaysia khasnya. Pada setakat ini, sektor ini telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan, pembangunan keusahawanan dan mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru. Dengan demikian, penulis percaya bahawa firma kecil dan sederhana di Lembah Kelang akan mempunyai masa depan yang lebih cerah pada alaf baru ini.

Penekanan kerajaan terhadap K-Ekonomi mulai pada Mac, tahun 2001 akan menggambarkan komitmen kerajaan ke atas kepentingan sektor ini dalam menyediakan lebih tenaga buruh yang berpengetahuan, latihan keusahawanan, meningkatkan produktiviti dan mencapai objektif sosio-ekonomi.

Apa itu K-Ekonomi dan kenapa ia penting kepada usahawan pada masa kini? Sudah kita dimaklumkan bahawa Amerika Syarikat telah mula

menitikberatkan K-Ekonomi ini sejak tahun 1980. Pada masa kini telah terbukti betapa pentingnya pengetahuan teknologi elektronik dalam sektor perusahaan Amerika Syarikat, pengetahuan tersebut yang ditanam dalam seluruh rakyat Amerika Syarikat telah menyebabkannya masih menjadi negara yang berekonomi terkukuh sekali berbanding dengan negara lain sehingga tidak ada persaingan yang hebat.

K-Ekonomi telah menjadi satu aliran ekonomi yang baru di Amerika Syarikat sejak 80an serta menjadi satu aliran yang umum dalam ekonomi antarabangsa ini. Pada masa kini teknologi elektronik, telekomunikasi melalui komputer, internet dan sebagainya telah digunakan dengan secara meluasnya. Sekiranya usahawan Cina di Lembah Kelang masih lagi tidak meningkatkan lagi tahap pengetahuan elektronik teknologi, maka lama-kelamaan mereka akan disingkir keluar dari lapangan perusahaan.

K-Ekonomi adalah bermakna ekonomi berdasarkan pengetahuan (knowledge based economy). Menurut Tan Sri Dato' Soong Siew Hoong: 'K-Economy means acquiring and utilizing the latest, accurate facts and figures from the right sources in the speediest manner and applying them at once in the way we do business (2000).

Oleh yang demikian, sekiranya usahawan Cina ingin mengekalkan perniagaannya atau memasuki bidang perniagaan yang lain, usahawan Cina mesti mempunyai pengetahuan dan penggunaan yang tepat terhadap Infomasi Komunikasi Teknologi (ITK) [Information Communication Technology].

Pada hakikatnya ITK telah membawa satu revolusi baru dalam sistem pendidikan, bidang perdagangan, perindustrian, organisasi sosio kebudayaan, memasuki ke dalam kediaman dan kehidupan seharian rakyat Malaysia. Setiap hari rakyat Malaysia mesti menggunakan telefon, televisyen, komputer, telefon bimbit, radio, mesin faks dan sebagainya. Jika tidak mempunyai pengetahuan ini maka tidak akan dapat memajukan taraf kehidupan.

Penekanan ITK ini di dalam bidang perniagaan harus dimulakan dan dipertingkatkan lagi penggunaan pada alaf baru ini, walaupun penukaran ekonomi industri ke K-Ekonomi akan membawa krisis yang tertentu kepada usahawan tempatan, akan tetapi ia juga akan membawa perubahan yang besar dan positif kepada usahawan, kemungkinan besar perubahan ini membawa kebaikan yang tidak dapat dinilai dan dihadkan. Terutamanya dalam perubahan ekonomi ini, tentulah usahawan Cina akan mendapat manfaat yang tertentu.

Sekiranya usahawan Cina ingin memperbaiki dan mempertingkatkan lagi jumlah jualan, salah satu cara yang terbaik sekali ialah memaksimakan penggunaan ITK. Secara ringkas, usahawan Cina harus mengkaitkan perniagaannya dengan E-Perdagangan (E-Commerce), E-Perniagaan (E-Business) dan E-Perkongsian (E-Partnering).

Tan Sri Dato' Soong telah memberi definisi E-Commerce seperti berikut: "E-Commerce defined as the sourcing or selling of products or service through the Internet" (2000).

Pada hakikatnya, terdapat banyak syarikat yang melakukan pembelian dan penjualan melalui internet dan menjalankan operasi dengan penggunaan peralatan ITK yang sedia ada di pasaran (Soong 19.12.2000). Semakin banyak pengeluar kecil mahupun besar menjalankan perniagaan mereka melalui internet, produk yang dipesan dapat dihantar ke tangan pembeli di seluruh dunia. Ini adalah satu langkah baru untuk menjalankan perniagaan melalui internet seperti digelar perniagaan ke perniagaan (Business To Business -- B2B). Lagi satu fenomena ialah pengilang atau pembekal menjual barang terus kepada pelanggan melalui internet dikenalkan sebagai perniagaan ke pelanggan (Business To Consumer – B2C). Pelanggan memesan produk melalui internet dan membayar melalui kredit kad dan barang itu dihantar terus ke rumah pelanggan. Cara ini dapat mengelakkan dari melalui tangan agen dan peniaga runcit.

E-Business pula didefinisikan seperti berikut:

“Something new beyond E-Commerce by including all aspects of the company’s operation – from strategy, to planning, implementation, monitoring, adjust and improve”(Soong 2000).

E-Partnering didefinisi sebagai:

“We can have strategic alliances with companies in the supply and purchase of parts/components or services such as design, packaging, store, transportation, distribution, financial transaction”(Soong 2000).

Strategi ini bukan sahaja boleh dilakukan dengan firma-firma lain di negara lain tetapi juga dilunjur ke pasaran antarabangsa, di mana yang lebih murah dan cekap.

Dengan tafsiran tersebut berkenaan dengan K-Ekonomi telah membawa maksud yang jelas di mana bersangkutan dengan pengetahuan menerusi elektronik atau teknologi perangkaan (digital technology) melalui E-Commerce, E-Business dan E-Partnering.

Penulis juga berpendapat bahawa penekanan pengetahuan ini penting adalah kerana mengikut laporan pembangunan dunia pada tahun 1999, negara-negara maju telah mementingkan pengetahuan sebagai satu peralatan utama, pengetahuan boleh menjamin kedudukan ekonomi dan taraf kehidupan manusia. Lebih-lebih lagi seimbang dengan Belanjawan 2001, banyak insentif telah disediakan untuk menggalakkan usahawan-usahawan Cina mengamalkan K-Ekonomi. Ekoran daripada itu, betapa pentingnya pengetahuan itu kepada sesebuah negara yang sedang membangun. Di samping itu, kerajaan Malaysia telah mengetengahkan satu wawasan yang agung iaitu wawasan 2020 di mana Malaysia akan menuju ke arah menjadikan negara maju pada tahun tersebut. Wawasan 2020 ini, negara Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara yang penuh dengan persaingan, berpotensi, makmur dan berekonomi maju. Untuk menghadapi segala cabaran ini, kerajaan telah membuat pelbagai cadangan dan projek untuk memastikan ekonomi negara terus membangun untuk mencapai matlamat wawasan 2020, salah satu projek utama ialah pembangunan pengetahuan iaitu K-Ekonomi.

Pada alaf sains dan teknologi ini, usahawan Cina yang mempunyai dan pandai mempergunakan pengetahuan akan dapat membantunya menimbunkan kekayaan. Pengetahuan dan teknikal adalah modal ekonomi yang asas.

Teknologi, perisaian komputer, komunikasi teknologi dan sebagainya merupakan bidang pengumpulan pengetahuan, lebih-lebih lagi merupakan struktur utama K-Ekonomi. internet dan WAP (Wireless Application Protocol) adalah penghasilan produk pengetahuan, ia telah membawa satu era baru kepada usahawan komunikasi; bahkan agen pelancongan, syarikat penerbangan telah memberi perkhidmatan kepada pelanggannya yang menempah tiket melalui internet dan WAP. Agen pelancongan dan syarikat penerbangan adalah jenis perniagaan tradisi [Production Based Economy (P-Economy)], ini adalah disebabkan usahawan Cina yang berani menyuntikkan unsur-unsur baru ini ke dalam perniagaannya maka telah membawa kesenangan dan kemudahan kepada pelanggan dan menjadi sebuah firma yang berpengetahuan teknologi. Dengan mengadakan perubahan ini, maka penggunaan pengetahuan, produktiviti, pendidikan dan kepintaran menjadi unsur-unsur yang penting dalam memajukan ekonomi negara pada masa kelak.

K-Ekonomi adalah berbeza dengan P-Ekonomi (Production Based Economy), jika dibandingkan ia terdapat tiga perbezaan utama seperti berikut:

(i) K-Ekonomi adalah berdasarkan pengetahuan, pengetahuan adalah petunjuk utama dalam meningkatkan produktiviti, mencipta barangan baru dan mempertingkatkan mutu. Seperti contoh kilang kasut pada zaman yang mengutamakan tenaga buruh. Majikan kilang kasut merupakan satu-satu orang yang berpengetahuan. Hanya beliau yang mencari sumber, mencipta rekabentuk kasut, gunting, membuat kasut, mereka bentuk kotak kasut dan mencari agen-agen. Akan tetapi pada zaman pengetahuan ini, rekacipta, pembungkusan, menganalisis sumber dan lain-lain kerja profesional adalah menggunakan komputer ataupun digantikan oleh orang yang profesional.

(ii) K-Ekonomi merangkumi perubahan dalam kualiti dan kuantiti, rangka ekonomi, pentadbiran, pengurusan dan operasinya akan diubah.

